

RENCANA BERNAMA UNTUK SIARAN PADA ATAU SELEPAS 1 SEPT. 1984

ANALISA DUA BAHAGIAN TENTANG HASIL LAWATAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD KE PAPUA NEW GUINEA, AUSTRALIA DAN NEW ZEALAND BARU-BARU INI.

BAHAGIAN KEDUA - LAWATAN, BELANJA DAN HASIL
OLEH ABDUL RAHMAN SULAIMAN

BILA SEORANG PERDANA MENTERI MENGADAKAN LAWATAN RASMI KE LUAR NEGERI, BELIAU DIIRINGI OLEH ROMBONGAN YANG AGAK BESAR JUGA YANG TERDIRI DARI PARA PEGAWAI DAN PEMBANTU-PEMBANTU PERIBADI UNTUK MENOLONG BELIAU MELICINKAN TUGAS. KADANG-KADANG BELIAU MUNGKIN MEMBAWA BERSAMA PARA MENTERI, SEKIRANYA KEPENTINGAN LAWATAN TERSEBUT MEMERLUKAN DEMIKIAN.

PADA LAGINYA, SEKIRANYA LAWATAN BERKENAAN SEBAGAI MEMENUHI UNDANGAN KERAJAAN TUAN RUMAH, PERDANA MENTERI ITU SERTA PARA PEGAWAINYA DILAYANI SEBAGAI TETAMU DAN DENGAN DEMIKIAN PERBELANJAAN MEREKA AKAN DITANGGUNG OLEH KERAJAAN TUAN RUMAH.

JIKA TIDAK, MEREKA TERPAKSA MENANGGUNG PERBELANJAAN Masing-masing.

ONGKOS UNTUK MEMBIAYAI LAWATAN SEDEMIKIAN SETELAH DIAMBIL KIRA TAMBANG KAPAL TERBANG, SEWA HOTEL, ELAUN PERJALANAN DAN LAIN-LAIN PERBELANJAAN TENTUNYA AGAK BESAR JUGA. - LAGI
1546MST 30 08 84

DD14

U B715

LAWATAN 2 (RENCANA)

MUNGKIN BERDASARKAN KEPADA PERHITUNGAN INILAH MAKA KERAGUAN TELAH MULA DISUARAKAN OLEH SETENGAH-SETENGAH PIHAK -- SAMA ADA SECARA TERBUKA ATAU SEBALIKNYA -- TENTANG UNTUNG RUGINYA LAWATAN-LAWATAN SEUMPAMA ITU OLEH PARA PEMIMPIN KERAJAAN.

LAWATAN DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD KE PAPUA NEW GUINEA, AUSTRALIA DAN NEW ZEALAND BARU-BARU INI JUGA TIDAK DIKECUALIKAN DARI SASARAN KRITIKAN DEMIKIAN.

PERDANA MENTERI SENDIRI APABILA PERKARA INI DITIMBULKAN SEMASA LAWATAN TERSEBUT CUMA BERKATA: 'ITU TERPULANG KEPADA ANDA SENDIRI UNTUK MENILAINYA.'

SEBENGERNYA LAWATAN-LAWATAN ITU BOLEH DINILAI DARI DUA SUDUT. SUDUT PERTAMA IALAH MELIHATNYA DARI NISBAH UNTUNG-RUGI DENGAN MEMBUAT PERKIRAAN KASAR TENTANG BELANJA YANG DIKELUARKAN. KEMUDIAN JUMLAH TERSEBUT DIPADANKAN PULA DENGAN APA YANG MUNGKIN BOLEH DIANGGAP HASIL KETARA YANG DICAPAI DARI LAWATAN ITU SETELAH DIBUAT ANDAIAN BAHAWA APA YANG DIKATAKAN 'HASIL KETARA' ITU BOLEH DIUKUR DALAM BENTUK WANG RINGGIT.

CARA YANG LAGI SATU IALAH DENGAN MELIHAT FAEDAH JANGKA-PANJANG YANG BOLEH DIMUJUDKAN OLEH LAWATAN-LAWATAN TERSEBUT DENGAN SYARAT USAHA MAKSIMA TELAH DIBUAT UNTUK MENENTUKAN PENCAPAIAN MATLAMAT ATAU MATLAMAT-MATLAMAT KUNJUNGAN BERKENAAN.

DALAM MEMILIH CARA KEDUA INI, ANDAIAN JUGA HARUS DIBUAT BAHAWA DALAM BANYAK HAL TIDAK SEMUA BENDA BOLEH DIBELI DENGAN WANG. -- LAGI

LAWATAN 3 (RENCANA)

PERKIRAAN JUGA HARUS DIBUAT UNTUK MENGUKUR SEJAUH MANA SUNGGUH-SUNGGUH NYA SESEORANG PEMIMPIN BERKENAAN MELIHAT KEPENTINGAN LAWATAN YANG DIBUATNYA ITU

DALAM HUBUNGAN INI, KESUNGGUHAN DATUK SERI DR. MAHATHIR MERUPAKAN SESUATU YANG MEMANG TIDAK BOLEH DIPERSOALKAN LAGI.

MEREKA YANG BELUM MEMPEROLEHI PELUANG MELIHAT BELIAU BEKERJA DI LUAR NEGERI, MUNGKIN TIDAK MUDAH SETUJU DENGAN HUJAH INI.

TAPI BAGI ORANG-ORANG YANG SERING MENYAKSIKAN PRESTASI BELIAU, MEREKA PASTI SETUJU BAHAWA LAWATAN-LAWATAN YANG TELAH DAN AKAN DILAKUKAN OLEH PERDANA MENTERI KE LUAR NEGERI, ADALAH MENGUNTUNGGAN NEGARA.

HAKIKAT YANG SAMA JUGA DISAKSIKAN SEMASA LAWATAN BELIAU KE TIGA-TIGA BUAH NEGARA RANTAU PASIFIK ITU. BELIAU BUKAN SAHAJA SENTIASA MAHUKAN KEPASTIAN AGAR SETIAP DETIK YANG TERLUANG DIPENUHI DENGAN ACARA-ACARA TERTENTU TETAPI JUGA TIDAK MELEPASKAN PELDUANG UNTUK MENGAUT SEBANYAK FAEDAH YANG MUNGKIN SEMASA BERADA DI SATU-SATU NEGERI ITU.

PARA PEGAWAI BERSETUJU BAHAWA CARA PERDANA MENTERI TIDAK MEMENTINGKAN ISTIADAT TETAPI SEBALIKNYA TERUS MENUMPUKAN PERHATIAN KEPADA PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIBINCANGKAN DALAM SATU-SATU RUNDINGAN TELAH MENDATANGKAN HASIL YANG LEBIH BERMAKNA KEPADA MALAYSIA. - LAGI

LAWATAN 5 (RENCANA)

JAMINAN YANG SERUPA DARI PERDANA MENTERI NEW ZEALAND, ENCIK

DAVID

LANGE=

SERTA

IKRAR NEW ZEALAND UNTUK TERUS MEMBERIKAN KEMUDAHAN BELAJAR KEPADA

PARA PELAJAR MALAYSIA DI UNIVERSITI-UNIVERSITI NEGARA ITU.

PERJANJIAN KERJASAMA TEKNIK DENGAN PNG YANG DITANDATANGANI ITU MERUPAKAN YANG PERTAMA DENGAN MANA-MANANEGERA MEMBANGUN SEJAK MALAYSIA MELANCARKAN RANCANGAN KERJASAMA TEKNIKNYA PADA TAHUN 1980.

BEBERAPA BUAH NECARA LAIN DIRANTAU TERSEBUT, TERMASUK VANUATU, TUVALU, FIJI DAN SAMOA BARAT TELAH JUGA MENYATAKAN MINAT Masing-masing untuk mengadakan perjanjian yang serupa dengan MALAYSIA.

BERHUBUNG DENGAN JAMINAN NEW ZEALAND TENTANG TEMPAT-TEMPAT BELAJAR BAGI PARA PELAJAR MALAYSIA, IA CUMA DIHADKAN KEPADA KURSUS-KURSUS YANG SEPARA PROFESIONAL SEPERTI PERTANIAN DAN TEKNOLOGI MAKANAN.

PENJELASAN TELAH DIBERI DAN MALAYSIA AKUR BAHAWA WELLINGTON TIDAK MAMPU MENJAMXNKAN TEMPAT BAGI PELAJAR-PELAJAR MALAYSIA YANG INGIN MELANJUTKAN PENGAJIAN MEREKA DALAM BIDANG PROFESIONAL SEPERTI KEJURUTERAAN DAN SAINS KOMPUTER.

INI JALAH KERANA KURSUS-KURSUS SEUMPAMA ITU JUGA MENGHADAPI PERMINTAAN YANG TINGGI DARI PARA PELAJAR NEW ZEALAND SENDIRI.

MESKIPUN DEMIKIAN, 'KEUNTUNGAN' YANG DIPEROLEHI DARI LAWATAN TERSEBUT MASIH BOLEH DIKATAKAN BANYAK SECARA RELATIF. -- LAGI 1555MST 30' 08 '84 ;

DD18

U B72D

LAWATAN 6 (RENCANA)

SEDLAIN ITU, TERDAPAT JUGA FAEDAH JANGKA PANJANG SEPERTI PENGUKUHAN HUBUNGAN PERIBADI ANTARA PERDANA MENTERI DENGAN PARA PEMIMPIN KERAJAAN NEGARA-NEGARA YANG DILAWATI ITU.

DALAM KONTEKS DIPLOMASI SEMASA, HAKIKAT INI DIANGGAP SEBAGAI PENTING. INI BERDASARKAN KEPADA LEBIH BANYAKNYA PENEKANAN YANG DIBUAT PADA AKHIR-AKHIR INI TENTANG APA YANG DISEBUT 'UTUSAN PERIBADI' DALAM PENGENDALIAN HUBUNGAN ANTARABANGSA.

AMALAN INI SESUNGGUHNYA MENUNJUKKAN SATU KEMAJUAN KETARA DALAM ARENA HUBUNGAN ANTARABANGSA JIKA DIBANDINGKAN DENGAN TEKNIK 'HUBUNGAN TERUS' ATAU 'HOT LINE' YANG BANYAK DIPERKATAKAN PADA TAHUN-TAHUN SELEPAS PERANG DINGIN.

MALAYSIA TENTUNYA TIDAK MAHU KETINGGALAN DALAM PERLUMBAAN Mencari Sahabat Ini.

SEPERTI YANG DIKATAKAN: OLEH DATUK SERIDR. MAHATHIR SENDIRI: 'MEMANG MENJADI HASRAT KXTA UNTUK Mencari SEBANYAK SAHABAT YANG MUNGKIN KERANA KITAMUNGKIN AKAN MEMERLUKAN PERSAHABATAN MEREKA DI KEMUDIAN HARI. KITA TENTU MASIH INGAT BAGAIMANA SUSAHNYA KITA SEMASA KONFRANTASIDULU AKIBAT TERLALU BERGANTUNG KEPADA SAHABAT LAMA SAHAJA.

SEUNGGUHNYA PERKARA INI TIDAK BOLEH DIBELI DENGAN WANGIRINGGIT. -- BERNAMA.